

Abdullah

lawat ^{BH -} 29/7/2006

Johor esok

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melakukan lawatan sehari ke Johor, esok dan dijadual mengadakan pertemuan dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) dan kerajaan negeri.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan semalam, kira-kira 7,000 pemimpin kerajaan negeri dan parti komponen BN Johor diketuai Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dijangka menyambut kedatangan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Senai kira-kira jam 9.30 pagi.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno dijadual mengadakan mesyuarat dengan Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), di Hotel Sofitel, Senai.

Abdullah juga dijadual bertemu dengan anggota jawatankuasa Perhubungan Umno Negeri di hotel sama serta berjumpa dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Parlimen dan Senator dari negeri ini.

Selepas makan tengah hari, Perdana Menteri diiringi Abdul Ghani dan pemimpin kerajaan negeri akan bertolak ke Ibu Pejabat Laut Wilayah Selatan, Gelang Patah untuk menghadiri majlis penamaan dan pelancaran kapal kawalan tumpahan minyak milik syarikat Kejuruteraan Asas Jaya Sdn Bhd.

Abdullah dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur kira-kira jam 5.30 petang. - Bernama